KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

# MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
# SPM 2024

# MPP 3

# EKONOMI
## KERTAS 1

Nama : ..........................................................................

Kelas : ..........................................................................

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

1 Gambar berikut menunjukkan satu sumber ekonomi.



Apakah ganjaran kepada sumber ekonomi tersebut?

A upah
B sewa
C modal
D untung

2 Apakah tujuan firma membuat pilihan dalam mengeluarkan barang ekonomi?

A Tingkatkan daya pengeluaran produk
B Kekurangan sumber modal bagi mengeluarkan output
C Upah pekerja yang tinggi bagi memenuhi barang kehendak pengguna
D Memaksimumkan kepuasan pengguna daripada penggunaan keluaran

3 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sebuah firma bagi dua jenis barang.

| Produk | Kombinasi keluaran | |
|---|---|---|
| | A | B |
| Kopi<br>Teh | 20 unit<br>85 unit | 60 unit<br>55 unit |

Berapakah kos lepas jika kombinasi keluaran berubah daripada A ke B?

A 20 unit kopi
B 40 unit kopi
C 30 unit teh
D 60 unit teh

4 Rajah berikut adalah keluk kemungkinan pengeluaran bagi dua jenis barang dalam ekonomi.



Pilih pernyataan yang manakah betul tentang rajah tersebut.

| | Titik | Keterangan |
|---|---|---|
| A | O | Wujud masalah kekurangan sumber ekonomi |
| B | P | Ekonomi tidak mencapai guna tenaga penuh |
| C | Q | Berlaku pembaziran dalam pasaran |
| D | R | Kecekapan ekonomi berlaku |

5 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri satu sistem ekonomi oleh negara A.

- Pemilikan sumber bebas antara pengeluar
- Harga ditentukan melalui mekanisme pasaran

Antara berikut, apakah cara negara A menyelesaikan masalah bagaimana hendak dikeluarkan?

I Kaedah pengeluaran berdasarkan untung yang maksimum
II Cara yang cekap digunakan dalam pengeluaran barangan
III Ditentukan dengan agihan pendapatan wang
IV Berdasarkan kehendak pengguna

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

6 Maklumat berikut menerangkan ciri suatu sistem ekonomi dalam pasaran.

- Pilihan dibuat dengan bebas oleh pengguna dan pengeluar
- Teknik pengeluaran barang awam ditentukan kerajaan

Apakah sistem ekonomi tersebut?
A Islam
B Sosialis
C Kapitalis
D Campuran

7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.




Penentu yang manakah menyebabkan peralihan keluk tersebut?
A Harga barang itu meningkat
B Kadar cukai pendapatan naik
C Objektif firma memaksimumkan kos
D Harga barang pengganti meningkat

8 Keterangan yang manakah betul tentang keluk penawaran?

<table>
<tr><th></th><th>Rajah</th><th>Keterangan</th></tr>
<tr><td>A</td><td>
</td><td>Teknologi meningkat dalam pengeluaran</td></tr>
<tr><td>B</td><td>
</td><td>Jangkaan harga meningkat pada masa hadapan</td></tr>
<tr><td>C</td><td>
</td><td>Harga faktor pengeluaran menurun</td></tr>
<tr><td>D</td><td>
</td><td>Dipengaruhi oleh harga barang itu sendiri yang tidak berubah</td></tr>
</table>

9 Rajah berikut menunjukkan keluk keseimbangan pasaran barang .




Antara berikut, apakah yang berlaku pada tingkat harga RM15?

I Harga cenderung turun
II Keseimbangan pasaran dicapai
III Lebihan penawaran sebanyak 70 unit
IV Lebihan permintaan sebanyak 70 unit

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

10 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.




Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

A Teknologi meningkat dalam pengeluaran
B Cukai pendapatan individu naik
C Harga barang itu meningkat
D Pendapatan individu naik

11 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang dalam pasaran.

| Harga (RM) | Kuantiti Diminta (unit) |
|---|---|
| 4<br>8 | 30<br>10 |

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM4 ke RM8?

A 0.50
B 0.67
C 1.00
D 2.00

12 Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti diminta bagi dua jenis barang.

| Jenis Barang | Peratus Perubahan Harga (%) | Peratus Perubahan Kuantiti (%) |
|---|---|---|
| A | 20 | 10 |
| B | 10 | 15 |

Pernyataan yang manakah betul tentang maklumat berikut?

A Pengguna barang B sangat responsif terhadap perubahan harga
B Harga barang A diturunkan untuk menambah jumlah hasil
C Nilai pekali keanjalan barang B adalah tak anjal
D Contoh barang A adalah barang kemas

13 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.




A Pekali keanjalan lebih daripada satu
B Jenis barang adalah barang pertanian
C Harga naik 1% menyebabkan kuantiti turun lebih 1%
D Peratus perubahan kuantiti lebih kecil berbanding peratus perubahan harga

14 Situasi yang manakah menunjukkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda.

A Cik Azua membayar mesin basuh RM100 sebulan.
B Pak Jais memotong sebahagian gajinya ke akaun Tabung Haji.
C Mak Cik Leha membuat bayaran terus barang keperluan yang dibelinya.
D Puan Asma pergi ke beberapa buah kedai elektrik untuk banding harga periuk tekanan.

15 Maklumat berikut menerangkan tentang peranan bank pusat.

- Memberi nasihat pelaburan
- Mengurus pertukaran asing
- Memberi pendahuluan sementara

Berdasarkan maklumat tersebut, bank pusat bertindak sebagai

A mengawal kestabilan nilai mata wang
B jurubank kepada bank perdagangan
C mengawal kestabilan ekonomi
D jurubank kepada bank pusat

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

16 Rajah berikut menunjukkan dua jenis pinjaman bank perdagangan.




Apakah X?

A Memerlukan penjamin
B Dikenakan kadar faedah
C Peminjam mestilah berpendapatan tetap
D Hartanah diperlukan untuk dapat pinjaman

17 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bagi suatu prinsip perbankan Islam.

- Satu bentuk perkongsian antara usahawan dan pihak bank.
- Untung dibahagi mengikut nisbah yang dipersetujui bersama.

Pernyataan tersebut merujuk kepada prinsip

A Bai Bithaman Ajil
B Mudharabah
C Wadiah
D Takjiri

18 Maklumat berikut berkaitan dengan upah wang dan harga dua barang dalam pasaran.

| Upah Wang (RM) | Harga Barang X (RM) | Harga Barang Y (RM) |
|---|---|---|
| 5 000 | 15.00 | 10.00 |

Apakah kesan kepada isi rumah apabila harga purata barang berubah kepada RM15?

A Pendapatan boleh guna berkurang
B Upah benar pengguna berkurang
C Tabungan pengguna meningkat
D Kepuasan pengguna meningkat

19 Pekerjaan manakah berkaitan dengan sektor kedua?

A Doktor gigi
B Juru terbang
C Tukang rumah
D Penternak ayam

20 Rajah berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan boleh guna.

Pendapatan Boleh Guna = Perbelanjaan + X

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan X ?

A Menerima hasil sewa rumah
B Membeli polisi insuran nyawa
C Menjelaskan pinjaman PTPTN
D Membayar cukai pendapatan individu

21 Apakah kebaikan pembelian secara kredit?

A Meningkatkan corak perbelanjaan secara terkawal
B Menambah beban kewangan bulanan pengguna
C Menggalak perancangan perbelanjaan bulanan
D Menikmati tingkat harga yang lebih murah

22 Maklumat berikut berkaitan dengan Firma **X**.

| |
|---|
| Jumlah keluaran firma 500 unit apabila 10 orang buruh digunakan. Penambahan sebanyak 20% buruh telah meningkatkan jumlah keluaran sebanyak 30%. |

Berapakah keluaran marginal akibat pertambahan buruh tersebut?

A 150 unit
B 100 unit
C 75 unit
D 50 unit

23 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran barang S.

| Jumlah Keluaran (unit) | Kos Purata (RM) |
|---|---|
| 50 | 20 |
| 100 | 15 |

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 100 unit jika kos tetap ialah RM400?

A RM1 000
B RM1 100
C RM1 400
D RM1 500

24 Apakah faedah sosial apabila seseorang individu berkongsi kenderaan ke tempat kerja?

A Menjimatkan masa
B Kos pengangkutan rendah
C Mengelakkan kesesakan lalu lintas
D Kadar pencemaran udara yang lebih rendah

25 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?

A Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran
B Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan
C Sekatan bukan ekonomi menyebabkan persaingan yang sihat antara firma
D Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar

26 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi

| |
|---|
| X berlaku kerana terlalu banyak wang mengejar sedikit barang |

Apakah kesan X?

I Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot
II Pendapatan benar masyarakat menurun
III Kuasa beli masyarakat meningkat
IV Peluang pekerjaan menurun

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Dengan menggunakan dasar fiskal, kerajaan mengurangkan perbelanjaan untuk

A menambahkan penawaran wang
B menurunkan kadar bunga
C menambahkan cukai
D menurunkan inflasi

28 Antara berikut, yang manakah betul berkaitan dengan cukai tak langsung?

I Encik Syukri membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Besut atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.
II Syarikat Bijok membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari Korea.
III Puan Maritza membayar RM730 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atas pendapatannya.
IV Puan Yati dikenakan bayaran tambahan 16% daripada bayaran penginapan Hotel Comel.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

29 Situasi yang manakah berkaitan dengan import tak nampak Malaysia?

A Universiti Awam Malaysia membayar gaji pensyarah dari Arab Saudi
B Syarikat YOURBEAUTY dari New Zealand membuka kilang di Perak
C Pelancong dari Istanbul menginap di sebuah hotel di Pulau Perhentian
D Kerajaan Indonesia membayar bil utiliti untuk kedutaannya di Malaysia

30 Maklumat berikut berkaitan dengan satu fenomena ekonomi.

| |
|---|
| Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, trend harga minyak mentah global telah menjunam lebih 50%. |

Akaun yang manakah dalam imbangan pembayaran akan terjejas?

A Akaun pindahan semasa dan akaun pelaburan portfolio
B Akaun pendapatan dan akaun pelaburan langsung
C Akaun perkhidmatan dan akaun modal
D Akaun dagangan dan akaun semasa

31 Apakah maksud imbangan dagangan kurangan?

A Nilai eksport barang tak nampak melebihi nilai import barang tak nampak
B Nilai import barang nampak melebihi nilai eksport barang tak nampak
C Nilai import barang nampak melebihi nilai eksport barang nampak
D Nilai eksport barang nampak melebihi nilai import barang nampak

32 Matlamat utama perjanjian perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah bertujuan untuk

A mewujudkan kuasa monopoli yang tunggal dalam hubungan perdagangan dengan negara Eropah
B meningkatkan daya saing ASEAN melalui penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif
C mengurangkan pergantungan import barang penggunaan dari negara maju
D mengamalkan dasar perlindungan antara semua negara anggota

33 Antara berikut, situasi yang manakah boleh menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?

I Syarikat Malaysia melabur di Kemboja
II Kemasukan pelaburan India ke Malaysia
III Korea membeli petroleum mentah dari Malaysia
IV Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

34 Antara berikut, yang manakah menunjukkan kepentingan mata wang Amerika Syarikat (USD) terhadap Malaysia?

I Mempertahankan nilai Ringgit Malaysia berbanding USD
II Membayar balik pinjaman ke Amerika Syarikat
III Membiayai eksport ke Amerika Syarikat
IV Menarik pelabur Amerika Syarikat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---|---|---|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Salah | Salah |
| D | Betul | Betul |

35 I Isi rumah menghadapi masalah kekurangan sumber ekonomi

II Kekurangan sumber ekonomi mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan

36 I Nilai pekali keanjalan harga permintaan kurang daripada 1 adalah tak anjal

II Barang keperluan adalah contoh barang tak anjal

37 I Barang keperluan ialah perkara yang perlukan untuk keselesaan hidup.

II Contoh barang keperluan ialah rumah kediaman.

38 I Hukum pulangan berkurangan berlaku pada tahap pengeluaran I.

II Hukum pulangan berkurangan menunjukkan tahap pengeluaran yang tidak cekap.

39 I Subsidi merujuk kepada bantuan kepada pengeluar tempatan bagi mengurangkan pengeluaran

II Contoh subsidi ialah kerajaan Malaysia mengenakan had maksimum bagi baranga berasaskan hasil tenusu daripada negara New Zealand

40 I Pertambahan eksport barang tak nampak berubah secara langsung dengan nilai m wang

II Peningkatan nilai eksport barang nampak menyebabkan nilai mata wang naik

**KERTAS SOALAN TAMAT**